

Ulasan oleh Suhana Md Taha suhana@unimap.edu.my

Baca@Perpustakaan UniMAP

KANTA SENTUH: PANDUAN MENJAGA KEJELITAAN DAN KESIHATAN MATA

Pengarang
Dr. Faudziah Abd. Manan
Penerbit
PTS Publications
ISBN
983-192-036-8
No. Panggilan
m RE977 C6F258 2002



Buku *Kanta Sentuh: Panduan Menjaga Kejelitaan dan Keshatan Mata* ditulis oleh **Dr. Faudziah Abd. Manan** yang berkelulusan ijazah sarjana muda Optometri daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, ijazah sarjana **Optometry and Physiological Optics** serta ijazah doktor falsafah Optometri daripada **University of Bradford, United Kingdom**. Beliau merupakan pensyarah optometri di Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini, beliau menjadi Presiden Alumni Optometri Malaysia.

Buku yang mengandungi 29 bab ini, mengandungi panduan penjagaan kesihatan serta kecantikan mata kepada para pemakai kanta sentuh. Antaranya, penulis menghuraikan tentang deria penglihatan, jenis-jenis kanta sentuh, jenis-jenis rabun dan kesesuaianya memakai kanta sentuh, komplikasi pemakaian kanta sentuh serta panduan penjagaan dan penggunaan kanta sentuh yang betul dan selamat. Gambarajah berlabel turut memberi nilai tambah dalam proses meningkatkan kefahaman terhadap perkara yang dihuraikan oleh penulis.

Boleh dikatakan bahawa penulisan buku ini adalah menepati kehendak semasa. Ini kerana, pada masa sekarang pemakaian kanta sentuh amat popular di kalangan gadis-gadis remaja dan wanita yang masih muda, khususnya mereka yang mementingkan nilai kecantikan. Kanta sentuh bukan lagi dipakai sebagai mengganti penggunaan kaca mata bagi individu yang menghadapi masalah rabun. Malah turut menjadi bahan kosmetik tambahan untuk disesuaikan dengan penampilan diri yang lain misalannya, mengikut warna rambut danmekap bagi mencipta identiti baru serta menyerikan wajah.

Penggunaan bahasa yang mudah dan senang difahami oleh pembaca meskipun bukan dari kalangan atau bidang perubatan. Secara tidak langsung, pembaca boleh mendapatkan maklumat daripada kepakaran penulis buku ini sendiri sebagai pengetahuan tambahan dan mengaplikasikannya dengan cara yang betul.

Buku '*Herb and Herbal Products Business: Your Step-by-Step Guide to Success*', adalah sebuah buku yang berbentuk panduan kepada pembaca yang berminat untuk menceburi bidang perusahaan herba dan produk berasaskan herba. Ia merupakan satu topik menarik yang telah berjaya dikupas oleh dua (2) orang penulis iaitu **Rob Adams** dan **Terry Adams**. Kedua-dua penulis ini banyak melibatkan diri dalam penulisan kategori perniagaan dan ekonomi.


Kini, semakin banyak permintaan terhadap penggunaan herba dan produk yang berasaskan herba dalam kehidupan sehari-hari masyarakat. Sekiranya dahulu, ia hanya tertumpu kepada golongan yang tinggal di kawasan pedalaman atau kampung, tetapi kini ia semakin banyak digunakan di bandar-bandar besar. Ia bukan sahaja digunakan dalam masakan untuk menambah cita rasa, malah penggunaannya juga semakin meluas dalam perubatan dan produk kecantikan. Buku panduan tambahan ini bukan sahaja menunjukkan cara-cara penanaman tumbuhan herba, malah ia turut memberi maklumat tentang kaedah membuka perniagaan atau perusahaan produk berasaskan herba. Dalam masa yang sama, pembaca diajar cara-cara mengembangkan perniagaan tersebut dan seterusnya mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda.

Buku ini mempunyai 14 bab, lengkap dengan indeks, glosari, dan contoh borang senarai semak serta lembaran kerja (**worksheet**) yang disediakan untuk rujukan dan panduan pembaca. Di samping itu, turut diselitkan juga maklumat ringkas yang diletakkan dalam kotak khas seperti '**Fun Fact**', '**Smart Tip**', '**Beware**' dan '**Bright Idea**' pada setiap bab iaitu sebagai nilai tambah kepada pembaca untuk lebih memahami dan mengingati perkara / isu yang dibincangkan dalam bab tersebut. Terdapat juga lampiran khas yang menyenaraikan pihak yang terlibat dalam perniagaan atau perusahaan herba dan produk berasaskan herba. Antaranya adalah penerbitan lain seperti buku-buku dan majalah-majalah, persatuan-persatuan, pembekal-pembekal seperti pembekal benih herba dan pakar perunding yang berpengalaman.

Penyampaian mesej yang mudah dan berinformasi dalam gaya bahasa penulisan buku ini, amat sesuai sekali kepada bakal usahawan yang masih tercari-cari sumber rujukan dan panduan bagi meningkatkan pengetahuan dalam bidang ini.

HERB AND HERBAL PRODUCTS BUSINESS

Pengarang
Rob Adams & Terry Adams
Penerbit
Entrepreneur Press
ISBN
1-932156-02-X
No. Panggilan
HD9019 H472A216 2003



Kedua-dua buah buku ini boleh diperolehi di Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis. Bahan ini ditempatkan di Koleksi Rak Terbuka